MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Festival IDEA Putrajaya

HARI 2
DAY 2

TARIKH/ *DATE*:
5 NOVEMBER 2025

MADANI: Melakar Masa Depan, Merealisasikan Idea
MADANI: Shaping The Future, Turning Ideas Into Reality



ASEAN MALAYSIA 2025
KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN

MALAYSIA MADANI
daya cipta

Visit Malaysia 2026
Truly Asia

Isi Kandungan

Table of Contents

5 Forum Menteri Pendidikan TInggi FOI 2025
Daripada Ilmu kepada Impak: Mengukuhkan Perkongsian Pendidikan Tinggi
FOI 2025 Higher Education Ministerial Forum
From Knowledge to Impact: Strengthening Higher Education Partnerships

16 Forum Kepimpinan Pendidikan Tinggi ASEAN (ASHELF) 2025
ASEAN Higher Education Leadership Forum (ASHELF) 2025

23 Global Higher Education Forum (GHEF)
Ucaptama 3: Trend Terkini dan Prospek Masa Hadapan Ekonomi Digital Dipacu AI
Global Higher Education Forum (GHEF)
Keynote 3 - Current Trends and Future Prospects of the AI-Driven Digital Economy

29 Global Higher Education Forum (GHEF):
Forum 3 - Kecerdasan Buatan (AI) dan Keselamatan Siber: Mengurangkan Risiko dan Melindungi Privasi Data
Global Higher Education Forum (GHEF):
Forum 3 - AI and Cybersecurity: Mitigating Risks and Safeguarding Data Privacy

35 Global Higher Education Forum (GHEF)
Forum 4: Membina Dasar Inklusif dan Tadbir Urus Berdaya Tahan bagi Kecerdasan Buatan (AI)
Global Higher Education Forum (GHEF)
Forum 4: Building Inclusive Policies and Resilient Governance of AI

SIDANG EDITORIAL - HARI KEDUA

PELAPOR

Dr. Tan Wee Chun
Dr. Mohammad Radzi bin Manap
Ts. Dr. Ahmad Firdhaus bin Arham
Dr. Shuhaila binti Mat Sharani
Dr. Wirawati Ngui Yi Xe
Siti Norhafiza binti Jasni
Ummi Nadrah binti Mohd Shah
Nor Aidatul Aini binti Ismadi
Nur Ika Anthasha binti Zainol Abidin
Halimah binti Jamaludin

EDITOR

Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon
Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah
Puan Azura binti Mohd Nor
Encik Ahmad Shakirin bin Zainal Abidin



Festival IDEA Putrajaya

Higher Education Ministerial Forum

Forum Menteri

Daripada Ilmu kepada Impak: Mengukuhkan Perkongsian Pendidikan Tinggi

Dewan Plenari, PICC



Forum Menteri Pendidikan Tinggi sebagai salah satu sesi utama dalam *Festival of Ideas* (FOI) 2025, menghimpunkan menteri-menteri pendidikan, pembuat dasar kanan, pemimpin universiti, serta pemikir global. Forum ini berhasrat membincangkan bagaimana pendidikan tinggi dapat menjadi agenda bersama, dan perkongsian tersebut berupaya menzahirkan pemangkin transformasi dan menterjemahkan penyelidikan, inovasi, dan ilmu pengetahuan kepada impak sosial dan ekonomi yang nyata.

Idea Sebagai Pemacu Kemajuan dan Transformasi

Dalam ucapan alu-aluannya, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Dato' Seri Dr. Zambry bin Abdul Kadir menyampaikan penghargaan kepada para menteri, tetamu kehormat, serta peserta dari ASEAN dan antarabangsa, sambil merakamkan terima kasih kepada Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri atas kehadirannya yang melambangkan komitmen bersama antara Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan para pemegang taruh dalam memajukan kecemerlangan pendidikan dan inovasi.

Beliau menekankan kuasa idea sebagai pemacu kemajuan dan transformasi, mengambil inspirasi daripada tokoh seperti Thomas Edison, Marie Curie, serta Muhammad Razlan Dhamir, pengasas 'Aphelia', teknologi satelit. Menurut beliau, sumber terhebat Malaysia ialah rakyatnya dan potensi kreatif mereka.

Dato' Seri Dr. Zambry turut menegaskan bahawa tujuan berinovasi adalah untuk berbakti kepada kemanusiaan, bukan sekadar mencari pengiktirafan. Festival of Ideas mencerminkan falsafah ini dengan menyemai ilmu menjadi empati, kreativiti menjadi kolaborasi, dan idea yang diterjemahkan kepada tindakan yang bermakna.

Beliau merujuk kepada kesatuan dan kepelbagaian ASEAN sebagai kekuatan sebenar rantau ini, mengajak kepada 'idea yang menyatukan, menghubungkan minda, dan membentuk masa depan bersama'. Ucapan beliau diakhiri dengan seruan untuk membina 'empayar minda' berasaskan kebijaksanaan, belas ihsan dan ketahanan.



Pendidikan Sebagai Jiwa dan Nurani

Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof dalam ucapan beliau bertajuk 'Memperkukuh Ketahanan dan Integriti: Pendidikan untuk Masa Hadapan Lestari', memuji Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas inisiatif mewujudkan platform yang menyatukan pembuat dasar, pendidik dan inovator di bawah tema "*The World Beyond 2030: Towards a Resilient Future through Education*."

Beliau menegaskan bahawa pendidikan merupakan jiwa sesebuah negara dan nurani kemanusiaan, sambil menekankan bahawa ketahanan dan integriti harus kekal menjadi teras kemajuan lestari. Meskipun banyak yang telah dicapai dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030, beliau menegaskan bahawa tahun 2030 bukan penamat, sebaliknya permulaan baharu bagi kerjasama global dan pertumbuhan inklusif.

Beliau turut menyoroti cabaran berterusan seperti gangguan teknologi, perubahan iklim dan ketidaksamarataan, serta menjelaskan bahawa ketahanan sebenar bukan sekadar kebolehan pulih semula, tetapi keupayaan menjangka dan menyesuaikan diri terhadap perubahan. Pendidikan, menurut beliau, mesti memperkasa pelajar dengan ilmu, integriti dan empati, agar teknologi digunakan untuk berbakti kepada kemanusiaan serta memperkukuh nilai etika.

Beliau juga menekankan komitmen Malaysia dalam memperkukuh literasi AI, pembelajaran sepanjang hayat dan laluan kelayakan mikro (*micro-credential*) yang fleksibel bagi mempersiapkan rakyat menghadapi era digital. Dalam konteks kelestarian, beliau menyeru kepada peralihan daripada 'mengajar tentang alam sekitar' kepada 'mendidik untuk kelestarian bumi', selaras dengan inisiatif nasional seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara dan Kerangka Penyelesaian Berasaskan Alam Semula Jadi.

Sebagai penutup ucaptama, beliau menyeru peserta untuk menerima tiga anjakan utama: daripada ekspresi kepada tindakan, daripada pengasingan kepada solidariti, dan daripada akses kepada keupayaan bertindak. Beliau mengakhiri ucapan dengan peringatan bahawa pendidikan bukan sekadar pelaburan dalam modal insan, tetapi juga dalam pembentukan sahsiah manusia, demi membina masa depan yang lestari dan berperikemanusiaan untuk negara dan dunia.

Daripada Ilmu kepada Impak: Mengukuhkan Pendidikan Tinggi

Forum Menteri Pendidikan Tinggi dimulakan dengan sesi yang menyaksikan Encik Novie Bin Tajudin (Ketua Pegawai Eksekutif Education *Malaysia Global Services*, EMGS) sebagai pemudah carakepada tiga orang ahli panel, Dr Shirley Castaneda Agrupis (Pengerusi Suruhanjaya Pendidikan Tinggi, CHED; Republik Filipina), Prof. Brian Yuliarto (Menteri Pendidikan Tinggi, Sains dan Teknologi, Republik Indonesia) dan Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali (Pengarah, Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM).

Dr. Shirley Agrupis menegaskan bahawa ilmu pengetahuan mesti melangkaui batas bilik kuliah dan jurnal akademik supaya impak dapat dinikmati oleh masyarakat. Beliau berpendapat bahawa penyelidikan harus bermula daripada cabaran dunia sebenar seperti peralihan tenaga, keselamatan makanan, dan perubahan iklim serta kembali kepada masyarakat dalam bentuk penyelesaian yang praktikal.

"Penciptaan ilmu mesti dilakukan dengan tujuan yang jelas. Setiap kajian dan inovasi perlu memenuhi keperluan komuniti serta mengubah kehidupan."

Beliau turut menyoroti beberapa inisiatif di Filipina seperti program tenaga boleh diperbaharui, inovasi makanan berfungsi, dan kerangka inklusif seperti Program Pengembangan Kesetaraan dan Akreditasi Pendidikan Peringkat Tertiari (ETEEAP) yang mengiktiraf pembelajaran berasaskan pengalaman kerja serta memperluas akses kepada pendidikan tinggi.

Prof. Brian Yuliarto pula mengenal pasti *'valley of death'* antara hasil penyelidikan dan penerimaan pasaran sebagai cabaran yang berterusan. Beliau menekankan bahawa universiti mesti melibatkan industri sejak peringkat awal reka bentuk penyelidikan bagi memastikan keselarasan dengan keperluan dunia sebenar.

"Kita tidak boleh menolak penyelidikan ke pasaran; pasaranlah yang perlu menarik penyelidikan."

Beliau menyeru agar wujud kolaborasi tiga pihak *(triple helix)* yang lebih kukuh antara universiti, kerajaan, dan industri, disokong oleh penglibatan aktif media. Beliau juga menggesa negara-negara ASEAN untuk membangunkan infrastruktur penyelidikan bersama, program ijazah berkembar, dan skim mobiliti serantau bagi memperkukuh ekosistem inovasi merentasi sempadan.



Seterusnya, Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali menggesa institusi pendidikan tinggi untuk mentakrif semula makna kejayaan. Daripada sekadar mengira jumlah penerbitan atau graduan PhD, universiti seharusnya menilai sejauh mana hasil kerja mereka menyumbang kepada transformasi masyarakat dan pembangunan negara.

"Tidak semua yang boleh dikira itu benar-benar bermakna. Persoalannya bukan berapa banyak kertas yang kita terbitkan, tetapi sejauh mana impak yang kita hasilkan."

Beliau mencadangkan model empat heliks *(quadruple helix)* yang menghubungkan kerajaan, industri, akademia, dan komuniti, bagi memastikan dasar, penyelidikan, dan inovasi benar-benar menangani keutamaan masyarakat. Beliau turut menyeru agar universiti mengamalkan mobiliti dan keterbukaan, beroperasi sebagai rangkaian kolaborasi dan bukannya entiti yang terasing.

Perkongsian Serantau dan Global Bagi Kesinambungan Transformasi

Kesemua panelis bersetuju bahawa kerjasama serantau amat penting bagi mencapai matlamat pembangunan mampan. Prof. Brian Yuliarto menyifatkan sains dan pendidikan sebagai bentuk 'diplomasi tanpa sempadan', dengan mencadangkan ekosistem saintifik ASEAN yang merangkumi kemudahan bersama serta program pascasiswazah yang diselia secara bersama.



Beliau juga menegaskan keperluan inovasi dalam kurikulum dan pengukuhan hubungan antara universiti dan industri bagi melahirkan graduan yang memiliki kecekapan global serta relevansi tempatan.

Dr. Shirley Agrupis pula menggariskan perlunya lebih banyak perjanjian antara kerajaan bagi memperkukuh kerjasama jangka panjang, dengan memberi contoh pengesahan Konvensyen Tokyo oleh Filipina mengenai pengiktirafan bersama kelayakan pendidikan tinggi. Beliau juga menyoroti kepimpinan yang inklusif gender serta kepentingan matlamat bersama yang dapat menyatukan institusi merentasi sempadan.

Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan pula membayangkan peluasan Festival Idea Malaysia menjadi sebuah platform peringkat ASEAN untuk inovasi bersama dan penglibatan belia. Beliau menyeru agar dasar-dasar digubal untuk menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, mobiliti pensyarah, dan keterbukaan terhadap bentuk kerjasama baharu.





Forum ini sebulat suara menegaskan bahawa pengetahuan mesti menghasilkan impak bukan sahaja dalam bentuk penerbitan dan paten, tetapi juga dalam dasar, komuniti, dan kehidupan masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, universiti-universiti ASEAN perlu memperkukuh jalinan kerjasama yang mengintegrasikan penyelidikan, inovasi, dan keterangkuman. Sesi ini diakhiri dengan visi bersama untuk mewujudkan ekosistem pendidikan tinggi ASEAN yang saling berhubung, berteraskan kolaborasi, mobiliti, dan kesaksamaan. Melalui perkongsian yang diperkukuh, pendidikan tinggi dapat memacu bukan sahaja kecemerlangan akademik tetapi juga kemakmuran serantau yang mampan dan inklusif.

Dapatan Utama Sesi

- Mentakrifkan semula kejayaan daripada pengetahuan kepada impak nyata. Pendidikan tinggi mesti mengalihkan tumpuan daripada metrik tradisional, seperti penerbitan dan paten, kepada penghasilan impak dunia sebenar. Ilmu pengetahuan mesti secara aktif menyelesaikan cabaran sosial (cth., perubahan iklim, keterjaminan makanan) dan bersifat "bermatlamat," memberi manfaat secara langsung kepada komuniti, dasar, dan ekonomi.
- Kolaborasi adalah suatu kemestian. Tiada satu entiti pun yang boleh mencapai impak ini secara bersendirian. Forum ini menekankan keperluan untuk memecahkan silo dan memperkukuh perkongsian antara universiti, kerajaan, dan industri, serta menyepadukan komuniti, bagi memastikan penyelidikan ‘ditarik’ oleh keperluan pasaran dan masyarakat, bukan sekadar ‘ditolak’ oleh akademia.
- Pendidikan mesti membina kedayatahanan dan integriti melangkaui kemahiran teknikal dan literasi AI. Forum ini menekankan bahawa peranan teras pendidikan adalah untuk membina masa depan yang berdaya tahan dan mampan. Hal ini dicapai dengan menerapkan integriti, empati, dan kompas moral yang utuh dalam diri pelajar, memastikan bahawa kemajuan teknologi berbakti kepada kemanusiaan dan kemajuan adalah inklusif serta beretika.



Ministerial Forum

From Knowledge to Impact: Strengthening Higher Education Partnerships

Plenary Hall, PICC



The Higher Education Ministers' Forum, as one of the key sessions at the Festival of Ideas (FOI) 2025, brought together education ministers, senior policymakers, university leaders, and global thinkers. This forum aimed to discuss how higher education can become a shared agenda, and how such partnerships can act as catalysts for transformation and translate research, innovation, and knowledge into tangible social and economic impact.

Ideas as a Driver of Progress and Transformation

In his welcoming address, Dato' Seri Dr. Zambry bin Abdul Kadir, Malaysia's Minister of Higher Education expressed his appreciation to the ministers, distinguished guests, and participants from ASEAN and abroad. He also extended his gratitude to Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, the Deputy Prime Minister, for his presence, which symbolized the shared commitment between the Ministry of Higher Education (MoHE) and stakeholders in advancing educational excellence and innovation.

He emphasized the power of ideas as a driver of progress and transformation, drawing inspiration from figures like Thomas Edison, Marie Curie, and Muhammad Razlan Dhamir, founder of 'Aphelia', a satellite technology. Malaysia's greatest resource, he contended, is its people and their creative potential.

Dato' Seri Dr. Zambry also asserted that the purpose of innovation is to serve humanity, not merely to seek recognition. The Festival of Ideas reflects this philosophy by "cultivating knowledge into empathy, creativity into collaboration, and ideas translated into meaningful action."

He called upon the unity and diversity of ASEAN as the region's true strength, calling for 'ideas that unite, minds that connect, and a future that is shared'. He concluded his speech with a call to build an 'empire of the mind' based on wisdom, compassion, and resilience.



Education as the Soul and Conscience

Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof, in his speech titled 'Strengthening Resilience and Integrity: Education for a Sustainable Future', praised the Ministry of Higher Education (MoHE) for the initiative to create a platform that unites policymakers, educators, and innovators under the theme 'The World Beyond 2030: Towards a Resilient Future through Education'.

He stated that education is the soul of a nation and the conscience of humanity, emphasizing that resilience and integrity must remain the core of sustainable progress. While acknowledging achievements towards the Sustainable Development Goals (SDG) 2030, he asserted that 2030 is not an endpoint, but rather a new beginning for global cooperation and inclusive growth.

He also highlighted ongoing challenges such as technological disruption, climate change, and inequality, explaining that true resilience is not just the ability to bounce back, but the capacity to anticipate and adapt to change. Education, he said, must empower students with knowledge, integrity, and empathy, ensuring technology is used to serve humanity and reinforce ethical values.

He emphasized Malaysia's commitment to strengthening AI literacy, lifelong learning, and flexible micro-credential pathways to prepare the nation for the digital age. In the context of sustainability, he called for a shift from 'teaching about the environment' to 'educating for planetary sustainability', in line with national initiatives like the Energy Transition Roadmap and the Natural-Based Solution Framework.

In closing his keynote address, he urged participants to embrace three key shifts: from expression to action, from isolation to solidarity, and from access to agency. He concluded his speech with a reminder that education is not just an investment in human capital, but also in human character, to build a sustainable and humane future for the nation and the world.

From Knowledge to Impact: Strengthening Higher Education

The Higher Education Ministers' Forum began with a session that saw Mr. Novie Bin Tajudin (Chief Executive Officer, Education Malaysia Global Services, EMGS) as the facilitator for the three panelists, Dr. Shirley Castaneda Agrupis (Chairperson, Commission on Higher Education, CHED; Republic of the Philippines), Prof. Brian Yuliarto (Minister of Higher Education, Science and Technology, Republic of Indonesia), and Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali (Director, Malaysian Inclusive Development and Advancement Institute, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM).

Dr. Shirley Agrupis asserted that knowledge must transcend the boundaries of classrooms and academic journals to serve society directly. She argued that research should begin with real-world challenges such as energy transition, food security, and climate change, and return to the community in the form of practical solutions.

"Knowledge creation must be purposeful. Every study and innovation needs to answer community needs and transform lives."

She also highlighted several initiatives in the Philippines, such as renewable energy programs, functional food innovation, and inclusive frameworks like the Tertiary Education Equivalency and Accreditation Program (ETEEAP), which recognizes work-based experiential learning and expands access to higher education.

Prof. Brian Yuliarto meanwhile, identified the 'valley of death' between research outcomes and market acceptance as an ongoing challenge.

He emphasized that universities must engage industry from the very early stages of research design to ensure alignment with real-world needs.

"We cannot push research into the market; the market must pull the research."

He called for a stronger triple helix collaboration between universities, government, and industry, supported by active media involvement. He also urged ASEAN nations to develop shared research infrastructure, dual-degree programs, and regional mobility schemes to strengthen the innovation ecosystem across borders.



Adding to the discussion, Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan bin Ghazali urged higher education institutions to redefine the meaning of success. Instead of merely counting publications or PhD graduates, universities should assess the extent to which their work contributes to societal transformation and national development.

"Not everything that can be counted truly counts. The question is not how many papers we publish, but how much impact we generate."

He proposed a quadruple helix model linking government, industry, academia, and the community, to ensure that policies, research, and innovation truly address societal priorities. He also called for universities to practice mobility and openness, operating as collaborative networks rather than isolated entities.

Regional and Global Partnerships for Sustained Transformation

All panelists agreed that regional cooperation is crucial for achieving sustainable development. Prof. Brian Yuliarto described science and education as forms of 'borderless diplomacy', proposing an ASEAN scientific ecosystem that includes shared facilities and jointly supervised postgraduate programs. He also stressed the need for curricular innovation and strengthening university-industry ties to produce graduates with global competence and local relevance.



Dr. Shirley Agrupis outlined the need for more inter-governmental agreements to strengthen long-term cooperation, citing the Philippines' ratification of the Tokyo Convention on the mutual recognition of higher education qualifications. She also highlighted gender-inclusive leadership and the importance of shared goals that can unite institutions across borders.

Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan envisioned expanding the Malaysian Festival of Ideas into an ASEAN-level platform for co-innovation and youth engagement. He called for policies to be formulated that encourage lifelong learning, faculty mobility, and openness to new forms of collaboration.





The forum unanimously reaffirmed that knowledge must produce impact not only in the form of publications and patents, but also in policies, communities, and people's lives. To achieve this, ASEAN universities must strengthen collaborative networks that integrate research, innovation, and inclusivity. The session concluded with a shared vision for an interconnected ASEAN higher education ecosystem centered on collaboration, mobility, and equity. Through strengthened partnerships, higher education can drive not only academic excellence but also sustainable and inclusive regional prosperity.

Key Session Takeaways

- Redefining success from knowledge to tangible impact. Higher education must shift its focus from traditional metrics, like publications and patents, to generating real-world impact. Knowledge must actively solve societal challenges (e.g., climate change, food security) and be 'purposeful', directly benefiting communities, policies, and the economy.
- Collaboration is non-negotiable. No single entity can achieve this impact alone. The forum stressed the need to break down silos and strengthen partnerships between universities, government, and industry, as well as integrating the community, to ensure research is pulled by market and societal needs, not just 'pushed' by academia.
- Education must build resilience and integrity beyond technical skills and AI literacy. The forum emphasized that education's core role is to build a resilient and sustainable future. This is achieved by embedding integrity, empathy, and a strong moral compass in students, ensuring that technological advancement serves humanity and progress is both inclusive and ethical.



Festival IDEA Putrajaya

ASEAN Higher Education Leadership Forum (ASHELF)

Malaysia Memperkasa Kepimpinan Pendidikan Tinggi Serantau

Dewan 10, PICC



Malaysia Memperkasa Kepimpinan Pendidikan Tinggi Serantau

Forum Kepimpinan Pendidikan Tinggi ASEAN (ASHELF) 2025 menegaskan semula komitmen kolektif negara-negara anggota ASEAN untuk memperkukuh ekosistem pendidikan tinggi serantau yang lebih inklusif, berdaya tahan, dan lestari, selaras dengan aspirasi Wawasan ASEAN 2045.

Pengarah Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, berkata forum itu menghimpunkan para pemimpin dari universiti, politeknik, institusi penyelidikan, dan agensi pendidikan tinggi di seluruh ASEAN, yang kesemuanya bersetuju untuk mengukuhkan peranan penting pendidikan sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi, inovasi, dan kemanusiaan sejagat. Beliau menekankan bahawa ASHELF 2025 berfungsi sebagai platform penting untuk memajukan kepimpinan kolektif dan membentuk landskap pendidikan tinggi ASEAN yang berpaksikan nilai, inovasi, dan kelestarian.

Selain memperkenalkan enam tonggak utama yang kritikal yang akan dijelmakan menjadi kluster transformasi utama, Prof. Harshita menekankan bahawa pelaksanaan inisiatif bagi keenam-enam kluster ini akan memperkukuh aspirasi *Common Space in Southeast Asian Higher Education*, yang bermatlamat untuk meningkatkan mobiliti akademik, penyelidikan kolaboratif, dan pembangunan kepimpinan berasaskan nilai di seluruh rantau ini.

Dalam ucapan penutupnya, beliau menegaskan bahawa ASHELF 2025 menerapkan pendekatan kepimpinan dipacu nilai dan kepimpinan bersama (shared leadership) untuk memastikan pendidikan tinggi ASEAN kekal relevan, beretika, dan berimpak kepada masyarakat serta alam sekitar. Forum ini, ujar beliau, menegaskan semula peranan institusi pendidikan tinggi sebagai pemacu utama inovasi dan perpaduan serantau.

Beliau turut mengiktiraf peranan strategik Malaysia sebagai tuan rumah ASHELF 2025 dan menzahirkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) serta universiti rakan kongsi bagi setiap kluster atas kepimpinan dan sumbangan mereka terhadap pembangunan Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi ASEAN 2025.

Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, mengulas bahawa penglibatan UPSI sebagai rakan kongsi utama AKEPT dalam penganjuran ASHELF 2025 mencerminkan keupayaan universiti itu selaku institusi pendidikan ulung Malaysia untuk memainkan peranan strategik dalam memajukan agenda pendidikan tinggi serantau.

Beliau menambah bahawa ASHELF 2025 berfungsi sebagai platform penting untuk pertukaran pengetahuan, perkongsian amalan terbaik, dan inovasi pendidikan, yang boleh mempengaruhi perubahan positif dalam dasar dan sistem di seluruh ASEAN. Prof. Harshita selanjutnya menegaskan komitmen Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk memperkukuh perkongsian serantau, selaras dengan visi universiti untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan yang melahirkan bukan sahaja pendidik yang kompeten, tetapi juga pemimpin yang berwawasan dan beretika.

Program hari kedua ASHELF ini turut menampilkan sesi ‘Refleksi dan Hala Tuju’ yang disampaikan oleh Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim, Pengarah Sekretariat Pertubuhan Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMEO). Dalam ucapannya, beliau berkongsi pandangan tentang hala tuju masa depan pendidikan tinggi serantau, sambil menekankan kepentingan pendekatan kolaboratif, penggubalan dasar berasaskan bukti, dan penyepaduan nilai-nilai kemanusiaan dalam membentuk dasar pembangunan pendidikan ASEAN.









Dapatan Utama Sesi:

- Forum ini menegaskan semula komitmen kolektif negara anggota ASEAN untuk memperkukuh ekosistem mampan pendidikan tinggi serantau yang lebih inklusif, berdaya tahan dan lestari, selaras dengan Wawasan ASEAN 2045.
- Pengenalan enam tonggak utama yang kritikal (yang akan menjadi kluster transformasi) akan digunakan untuk memperkukuh aspirasi Common Space in ASEAN Higher Education, yang bertujuan meningkatkan mobiliti akademik, penyelidikan kolaboratif, dan pembangunan kepimpinan berasaskan nilai.
- Sesi ini menggariskan bahawa pendekatan 'kepimpinan bersama yang dipacu nilai' (*value-driven and shared leadership*) serta penyepaduan "nilai-nilai kemanusiaan" adalah penting untuk memastikan pendidikan tinggi ASEAN kekal relevan, beretika, dan berimpak sebagai pemacu utama inovasi dan perpaduan serantau.

Malaysia Strengthens Regional Higher Education Leadership

Hall 10, PICC



The ASEAN Higher Education Leadership Forum (ASHELF) 2025 reaffirms the collective commitment of ASEAN member states to strengthen a more inclusive, resilient, and sustainable regional higher education ecosystem, in line with the aspirations of ASEAN Vision 2045.

Director of the Higher Education Leadership Academy (AKEPT), Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, said that the forum brought together leaders from universities, polytechnics, research institutions, and higher education agencies across ASEAN, all of whom agreed to reinforce education's vital role as a catalyst for socio-economic development, innovation, and shared humanity. She emphasized that ASHELF 2025 serves as a pivotal platform to advance collective leadership and shape an ASEAN higher education landscape grounded in values, innovation, and sustainability.

Other than introducing six critical key pillars that shall be referred to as key transformation clusters, Prof. Harshita highlighted that the implementation of initiatives of these six clusters will strengthen the Common Space in Southeast Asian Higher Education initiative, which aims to enhance academic mobility, collaborative research, and value-based leadership development across the region.

In her closing remarks, she underscored that ASHELF 2025 adopts a value-driven and shared leadership approach to ensure that ASEAN's higher education remains relevant, ethical, and impactful to both society and the environment. The forum, she noted, reaffirms the role of higher education institutions as key drivers of innovation and regional unity.

She also recognized Malaysia's strategic role as host of ASHELF 2025 and expressed appreciation to Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) and the partner universities of each cluster for their leadership and contribution to the development of the ASEAN Higher Education Action Plan 2025.

Meanwhile, UPSI Vice-Chancellor, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff, remarked that UPSI's involvement as AKEPT's principal partner in organizing ASHELF 2025 reflects the university's capacity as Malaysia's premier education institution to play a strategic role in advancing the regional higher education agenda.

He added that ASHELF 2025 serves as an important platform for knowledge exchange, best practice sharing, and educational innovation, which can influence positive change in policies and systems across ASEAN. Prof. Harshita further reaffirmed UPSI's commitment to strengthening regional partnerships, consistent with the university's vision to become a centre of educational excellence that produces not only competent educators but also visionary and ethical leaders.

The event also featured a 'Reflections and a Way Forward' session delivered by Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim, Director of the Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) Secretariat. In her address, she shared insights on the future direction of regional higher education, stressing the importance of collaborative approaches, evidence-based policymaking, and the integration of humanistic values in shaping ASEAN's education development policies.









Key Session Takeaways:

- This forum reaffirms the collective commitment of ASEAN member states to strengthen a regional higher education ecosystem that is more inclusive, resilient, and sustainable, in line with ASEAN Vision 2045.
- The introduction of six critical key pillars (which will become transformation clusters) will be used to strengthen the 'Common Space in Southeast Asian Higher Education' (Common Space) initiative, which aims to enhance academic mobility, collaborative research, and value-based leadership development.
- This session outlined that the 'value-driven and shared leadership' approach, as well as the integration of "humanistic values," is essential to ensure ASEAN higher education remains relevant, ethical, and impactful as a key driver of innovation and regional unity.

Festival IDEA Putrajaya

GHEF Global Higher Education Forum

9th Global Higher Education Forum (GHEF) 2025



Ucaptama 3

Trend Terkini dan Prospek Masa Hadapan Ekonomi Digital Dipacu AI

Dewan Plenari, PICC

Sesi Ucaptama ke-3 dalam rangka GHEF 2025 telah muncul sebagai wadah strategik untuk menghuraikan bagaimana kecerdasan buatan (AI) sedang mengubah landskap ekonomi global daripada sekadar teknologi sokongan kepada pemain aktif yang membentuk ekosistem 'ekonomi AI-natif'. Disampaikan oleh Encik Jake Xue, Pengurus Besar Perkhidmatan Perniagaan Global Ant International, sesi ini menggariskan kaitan langsung antara transformasi AI dengan pemerkasaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pengukuhan pembayaran rentas sempadan, dan pembangunan infrastruktur digital awam (*Digital Public Infrastructure*, DPI) yang berteraskan kepercayaan. Keseluruhannya, sesi ini menegaskan bahawa ekonomi digital masa depan memerlukan AI yang berfungsi dengan asas-asas amanah. Hal ini termasuk keselamatan reka bentuk, piawaian bersama dan kerjasama awam–swasta yang kukuh agar manfaat ekonomi AI-natif dapat dinikmati secara inklusif tanpa mengorbankan perlindungan pengguna dan kestabilan sistemik.

Peralihan Daripada AI-boleh (*AI-enabled*) kepada AI-natif

Peralihan daripada AI-boleh kepada AI-natif memposisikan ejen AI sebagai pembuat keputusan, perunding dan pelaksana transaksi. Perubahan ini mengalih rantaian nilai daripada interaksi berasaskan carian kepada saranan yang prediktif, berkonteks dan proaktif. Tiga peralihan dan implikasi yang dikenal pasti ialah automasi kepada autonomi, personalisasi kepada peramalan, dan pemudah cara kepada agen ekonomi. Kes penggunaan merentas rantaian nilai pembayaran dan perdagangan digital termasuk sokongan perdagangan, perjalanan (AI travel copilot), anti-penipuan dan pengurusan risiko. Piawaian dan inter-pengoperasian diketengahkan melalui Protokol Agen Pembayaran (AP2) sebagai 'bahasa bersama' transaksi ejen AI; aspek kepercayaan dan keselamatan menekankan konsep keselamatan dengan rekabentuk, pengenal pastian penipuan/palsu asli (*deepfake*) serta kewujudan institusi siber.

Komponen infrastruktur dan perkongsian disandarkan pada DPI (contohnya, *National Fraud Portal/PayNet*) dan sinergi awam–swasta. Bagi pemerkasaan rakan dan PKS/PMKS, alat seperti *GenAI Cockpit* memudahkan halangan untuk membina *Copilot*/ejen setempat tanpa kos infra besar, dengan metrik impak seperti masa resolusi, kepuasan pelanggan dan penjimatan lindung nilai.

Timbunan pemangkin daripada model ke alat rakan; sebagai contohnya *Falcon* (*transformer* siri masa) menunjukkan ketepatan trend pertukaran asing melebihi 90% dan penjimatan kos lindung nilai sehingga 40% (seperti kes *AirAsia*). *GenAI Cockpit* mengurangkam halangan binaan agar *fintech*/e-dompet/aplikasi super (super-app) dapat mencipta *Copilot*/ejen setempat tanpa pasukan infrastruktur yang besar. Roda berlapis (*flywheel*) yang dijelaskan ialah AI dalaman mengendalikan lebih 80% pertanyaan rutin; pemerkasaan pedagang melalui *Copilot* memacu pengalaman pengguna yang lebih baik (seperti *Voyager*) dan seterusnya inovasi rakan kolaborasi (*Cockpit*).

Amanah, keselamatan dan DPI dapat dicapai melalui pendekatan security-by-design dengan pertahanan berlapis; enjin risiko AI mengesan palsu asli (deepfake) serta pencurian identiti dengan ketepatan melebihi 99%. Menurut gambaran World Economic Forum, walaupun 66% pihak menjangka AI mempertingkat keselamatan siber, hanya 37% mempunyai proses penilaian keselamatan AI dan ini menuntut tadbir urus segera. Dari perspektif DPI, National Fraud Portal (PayNet) menjadi contoh pengesanan rentas institusi masa nyata sebagai fabrik amanah sistemik.

Usaha Transformasi Ke Arah AI-natif

AI sedang beralih pantas daripada automasi belakang ke ekonomi AI-natif. Piawaian seperti AP2 dan kolaborasi berasaskan DPI penting untuk memastikan transaksi agen yang selamat, saling kendali dan berskala. Metrik yang dipersembahkan—masa resolusi, kepuasan, pengesanan penipuan dan kos lindung nilai, membuktikan nilai ekonomi nyata, bukan sekadar prototaip.

Dengan itu, cadangan yang dikemukakan kepada pendidikan tinggi Malaysia/ASEAN, industri dan kerajaan, dari sudut kurikulum dan bakat, ialah memperkenalkan modul sistem & ejen orkestrasi, UX prediktif & persetujuan, pengurusan risiko & keselamatan AI dan pembayaran/teknologi pendaftaran (*regtech*) untuk ejen dengan membina laluan koperasi dengan *fintech* untuk agen sandbox berasaskan API/piawaian ala AP2. Bagi pemerkasaan PKS/PMKS, galakkan kepada program rakan ala '*AI Cockpit*' untuk membina copilot domain (bagi pelancongan, runcit, logistik) serta pertimbangkan baucar/geran berasaskan hasil terukur.

Pada aras DPI & piawaian awam–swasta pula, usaha meluaskan perkongsian penipuan dan ujian pematuhan ejen; penyelarasan dengan *PayNet* dan norma merentas sempadan; mewujudkan kerangka keselamatan ejen nasional (kad model, pelaporan insiden, talian penilaian). Sementara itu, untuk jaminan dan etika, memandatkan proses penilaian keselamatan AI institusi, menetapkan manusia dalam gelung (*human-in-the-loop*) bagi tindakan ejen berisiko tinggi dan kawalan penggantian pengguna yang jelas.

Dapatan Utama

- Keperluan membina ekonomi AI-natif yang inklusif, saling kendali dan dipercayai. Hal ini merangkumi pengalaman serantau (ASEAN) merentas jutaan pedagang/pengguna dengan contoh dalam pelancongan, pembayaran, pengurusan risiko dan pemerkasaan rakan.
- Aliran kandungan bergerak daripada konteks kepada tiga peralihan makro, diikuti timbunan pemangkin (model, *copilot*, alat rakan), seterusnya amanah/keselamatan, piawaian awam–swasta dan seruan tindakan kepada akademia, industri serta kerajaan.



Keynote 3

Current Trends and Future Prospects of the AI-Driven Digital Economy

Plenary Hall, PICC

The 3rd Keynote Session at GHEF 2025 emerged as a strategic platform to analyze how artificial intelligence (AI) is transforming the global economic landscape from merely a support technology into an active participant shaping an 'AI-native economy' ecosystem. Delivered by Mr. Jake Xue, General Manager of Global Business Services at Ant International, this session outlined the direct link between AI transformation and the empowerment of small and medium enterprises (SMEs) and micro, small, and medium enterprises (MSMEs), the strengthening of cross-border payments, and the development of trust-based Digital Public Infrastructure (DPI).

Overall, the session asserted that the future digital economy requires AI that functions on a foundation of trust. This includes security-by-design, common standards, and strong public-private collaboration so that the benefits of the AI-native economy can be enjoyed inclusively without sacrificing user protection and systemic stability.

The Shift From AI-enabled to AI-native

The shift from AI-enabled to AI-native positions AI agents as decision-makers, negotiators, and transaction executors. This change shifts the value chain from search-based interactions to recommendations that are predictive, contextual, and proactive. The three identified shifts and implications are: automation to autonomy, personalization to prediction, and facilitator to economic agent.

Use cases across the digital payment and trade value chain include trade support, travel (AI travel copilot), anti-fraud, and risk management. Standards and interoperability were highlighted through the Payment Protocol Agent (AP2) as a 'common language' for AI agent transactions. Trust and security aspects emphasize the concept of security-by-design, fraud/deepfake detection, and the existence of cyber institutions.

Infrastructure and partnership components are anchored on DPI (e.g., National Fraud Portal/PayNet) and public-private synergy. For partner and SME/MSME empowerment, tools like the GenAI Cockpit lower the barrier to building localized copilots/agents without significant infrastructure costs, with impact metrics such as resolution time, customer satisfaction, and hedging savings.

The catalyst stack from models to partner tools: For example, Falcon (a time-series transformer) shows over 90% accuracy in foreign exchange trends and up to 40% savings in hedging costs (as in the AirAsia case). The GenAI Cockpit lowers the barrier to entry, allowing fintech/e-wallets/super-apps to create localized copilots/agents without large infrastructure teams. The flywheel explained is that internal AI handles over 80% of routine queries; merchant empowerment via copilots drives better user experiences (like Voyager); which in turn drives collaborative partner innovation (Cockpit).

Trust, security, and DPI are achieved through a security-by-design approach with layered defenses; AI risk engines detect deepfakes and identity theft with over 99% accuracy. According to the World Economic Forum, although 66% of parties expect AI to enhance cybersecurity, only 37% have an AI security assessment process, which demands immediate governance. From a DPI perspective, the National Fraud Portal (PayNet) serves as an example of real-time, cross-institutional detection, acting as a systemic trust fabric.

Transformation Efforts Towards AI-native

AI is rapidly shifting from back-end automation to an AI-native economy. Standards like AP2 and DPI-based collaboration are crucial to ensure agent transactions are secure, interoperable, and scalable. The metrics presented—resolution time, satisfaction, fraud detection, and hedging costs—prove real economic value, not just prototypes.

Thus, the recommendations proposed to Malaysian/ASEAN higher education, industry, and government are, from the point of curriculum and talent, to introduce modules on orchestration systems & agents, predictive UX & consent, AI risk & security management, and payments/regtech for agents. Build cooperative pathways with fintechs for API/AP2-style standard-based agent sandboxes.

- **SME/MSME Empowerment:** Encourage 'AI Cockpit'-style partner programs to build domain-specific copilots (for tourism, retail, logistics) and consider results-based vouchers/grants.
- **DPI & Public-Private Standards:** Expand fraud-sharing and agent compliance testing; coordinate with PayNet and cross-border norms; and establish a national agent security framework (model cards, incident reporting, assessment hotlines).
- **Assurance & Ethics:** Mandate institutional AI security assessment processes, establish human-in-the-loop protocols for high-risk agent actions, and clear user-override controls.

Key Takeaways

- The need for an inclusive, interoperable, and trustworthy AI-native economy. This covers regional (ASEAN) experiences across millions of merchants/users with examples in tourism, payments, risk management, and partner empowerment.
- The content flow moved from context to the three macro-shifts, followed by the catalyst stack (models, copilots, partner tools), then trust/security, public-private standards, and a call to action for academia, industry, and government.



Forum 3

Kecerdasan Buatan (AI) dan Keselamatan Siber: Mengurangkan Risiko dan Melindungi Privasi Data

Dewan Plenari, PICC

Seiring dengan perkembangan pesat kecerdasan buatan (AI) yang terus mentakrif semula industri, tadbir urus dan interaksi manusia, keselamatan siber kini menjadi kebimbangan yang semakin penting bagi negara-negara yang sedang menavigasi transformasi digital. Forum 3 bertajuk *"AI and Cybersecurity: Mitigating Risks and Safeguarding Data Privacy"* telah menghimpunkan barisan pakar ternama dari seluruh Asia bagi membincangkan sifat dwi-fungsi AI iaitu keupayaannya untuk memperkukuh pertahanan digital dan pada masa yang sama meningkatkan tahap kerentanan sistem.

Sesi ini dikendalikan oleh Puan Shariffah Rashidah Syed Othman, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perlindungan Data Peribadi, Kementerian Digital Malaysia, yang membuka perbincangan dengan menegaskan bahawa teknologi itu sendiri bersifat neutral dan kesannya terhadap masyarakat bergantung kepada niat serta tadbir urus penggunaannya. Forum ini turut menampilkan Encik Vinayak Godse, Ketua Pegawai Eksekutif, Data Security Council of India; Dr. Kartina Sury, Felo Kanan di Centre for Indonesian Policy Studies; serta Cik Sheng-Ann Yu, Pengarah Teknologi Termaju, Group Function Technology (Asia-Pasifik), Ericsson.

Keselamatan Siber dalam Era Sistem Pintar

Forum dimulakan dengan pengiktirafan bahawa integrasi AI ke dalam infrastruktur moden telah mengubah landskap keselamatan siber secara menyeluruh. Para panelis membincangkan bagaimana sistem berasaskan AI dapat meningkatkan keupayaan pengesanan dan ramalan ancaman, namun pada masa yang sama boleh dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk mengautomasikan dan memperluaskan serangan siber. Menurut Encik Godse, tahap kecanggihan serangan siber yang digerakkan oleh AI, khususnya yang menyasarkan rantaian bekalan, meningkat dengan cepat dan menandakan keperluan mendesak bagi ketahanan rentas sektor.

Kesiapsiagaan Serantau dan Kerjasama ASEAN

Perbincangan Dr. Kartina Sury dalam konteks serantau ASEAN merujuk kepada ASEAN Digital Masterplan 2025 serta usaha semasa untuk memperkukuh strategi kerjasama keselamatan siber. Beliau menekankan bahawa ekonomi digital Asia Tenggara berkembang dengan pesat, namun tahap kematangan keselamatan siber dan perundangan perlindungan data yang tidak seimbang antara negara anggota masih menjadi cabaran utama. Untuk membina ekosistem digital yang boleh dipercayai, ASEAN perlu melaksanakan pendekatan kolektif dalam penyelarasan dasar, ketahanan siber, serta peningkatan kesedaran awam. Beliau turut menegaskan kepentingan membangunkan masyarakat berdaya tahan digital dan masyarakat yang mampu menyeimbangkan antara pemerkasaan dan perlindungan, dengan nilai privasi, kepercayaan, dan etika dalam semua rangka kerja tadbir urus digital.

Teknologi Berasaskan Reka Bentuk: Membangun Kepercayaan dan Ketelusan

Dari perspektif industri, Cik Sheng-Ann Yu menghuraikan asas teknologi bagi AI yang boleh dipercayai. Beliau menjelaskan bahawa inovasi baharu seperti 5G, pengkomputeran awan, dan AI harus dilihat sebagai tonggak yang saling bergantung dalam proses pendigitalan. Untuk mengekalkan integriti dan ketelusan, keselamatan siber mesti dilaksanakan melalui prinsip *"secure by design"* iaitu keselamatan yang dibangunkan sejak peringkat awal reka bentuk produk hingga ke pelaksanaan dan operasi.

Beliau turut mengadvokasikan prinsip AI yang boleh dijelaskan (explainable AI), iaitu keupayaan sistem untuk membolehkan pengguna memahami serta mengesahkan keputusan yang dihasilkan oleh AI. Menurut beliau, ketelusan merupakan prasyarat kepada kepercayaan awam dan akauntabiliti, terutamanya apabila aplikasi AI melibatkan data sensitif atau infrastruktur kritikal.

Memperkasa Bakat Masa Hadapan

Tema yang berulang dalam sesi ini ialah keperluan melahirkan bakat yang bersedia menghadapi masa depan. Para panelis sependapat bahawa keselamatan siber dan tadbir urus AI bukan sekadar isu teknikal, tetapi juga melibatkan dimensi etika, perundangan dan sosial. Tenaga kerja masa depan perlu dilengkapi dengan kemahiran pelbagai disiplin yang menggabungkan pengetahuan teknologi, etika dan kesedaran peraturan.

Encik Godse menegaskan bahawa kerajaan dan organisasi perlu melabur dalam program pendidikan yang menghubungkan kepakaran teknikal dengan pemahaman tentang kedaulatan data, hak privasi dan kerangka dasar. Forum ini menekankan bahawa modal insan merupakan teras kepada kesiapsiagaan keselamatan siber sesebuah negara.

Dialog Bersama Audiens

Dalam sesi soal jawab, para peserta mengemukakan persoalan yang menarik tentang penggunaan AI dalam pendidikan, pemilikan data, serta keseimbangan antara privasi dan pengesanan ancaman. Dr. Kartina menekankan amalan pengurusan data yang bertanggungjawab dan organisasi harus hanya mengumpul data yang diperlukan dan memastikan ia dilindungi dengan sewajarnya. Beliau menegaskan bahawa tadbir urus AI yang berkesan bermula dengan pengurusan data yang beretika. Para panelis turut membincangkan keperluan membangunkan infrastruktur "private AI", di mana negara melaksanakan sistem AI dalam persekitaran tempatan bagi mengekalkan kedaulatan data dan mengurangkan risiko rentas sempadan.

Ke Arah Masa Depan Digital yang Selamat dan Berpusatkan Manusia

Sebagai kesimpulan, forum ini menegaskan bahawa kecerdasan buatan merupakan paradoks. Ia boleh menjadi pemangkin inovasi, namun juga sumber kepada risiko keselamatan baharu. Dalam usaha ekonomi ASEAN mendigitalkan sistem mereka, tadbir urus kolektif, ketelusan dan reka bentuk beretika akan menjadi asas dalam mengekalkan kepercayaan awam.

Dapatan Utama Sesi:

- AI merupakan pelindung dan juga pengganda ancaman. Ia boleh memperkukuh keselamatan siber, namun juga berpotensi memperbesar kerentanan.
- Koordinasi dan kerjasama serantau amat penting kerana risiko siber tidak mengenal sempadan dan memerlukan tadbir urus yang diselaraskan dengan baik.
- Prinsip berpusatkan manusia dan secure-by-design mesti menjadi panduan utama dalam semua pembangunan AI.
- Pendidikan dan perkongsian pelbagai pihak merupakan asas kepada masa depan digital yang mampan, selamat dan beretika.



Forum 3

AI and Cybersecurity: Mitigating Risks and Safeguarding Data Privacy

Plenary Hall, PICC

As artificial intelligence (AI) continues to redefine industries, governance, and human interaction, cybersecurity has become an increasingly critical concern for nations navigating digital transformation. Forum 3, titled "AI and Cybersecurity: Mitigating Risks and Safeguarding Data Privacy", convened a distinguished panel of experts from across Asia to discuss the dual nature of AI and its potential to strengthen digital defences and its capacity to heighten vulnerabilities.

The session was moderated by Ms. Shariffah Rashidah Syed Othman, Deputy Director General of the Personal Data Protection Department, Ministry of Digital Malaysia, who set the tone by emphasising that technology itself is neutral. It is the intent and governance behind its use that determine its societal impact. The discussion brought together Mr. Vinayak Godse, Chief Executive Officer of the Data Security Council of India; Dr. Kartina Sury, Senior Fellow at the Centre for Indonesian Policy Studies; and Ms. Sheng-Ann Yu, Director of Advanced Technology, Group Function Technology (Asia-Pacific), Ericsson.

Cybersecurity in the Age of Intelligent Systems

The forum began by acknowledging that AI's integration into modern infrastructure has fundamentally transformed the cyber landscape. Panellists discussed how AI-driven systems can simultaneously enhance detection and prediction capabilities, yet also be exploited by malicious actors to automate and scale attacks. According to Mr. Godse, the sophistication of AI-enabled cyberattacks, particularly those targeting supply chains, has grown rapidly, underscoring the urgent need for multi-sectoral resilience.

Regional Readiness and ASEAN Collaboration

Dr. Kartina Sury contextualised the discussion within ASEAN's regional agenda. She referred to the ASEAN Digital Masterplan 2025 and ongoing revisions to strengthen cybersecurity cooperation. She stressed that Southeast Asia's digital economy is expanding rapidly, but uneven levels of cybersecurity maturity and data protection laws across member states remain a pressing challenge. To achieve a trusted digital ecosystem, ASEAN must pursue collective approaches to policy harmonisation, cyber resilience, and public awareness.

She also highlighted the importance of cultivating a "digitally resilient society", one that balances empowerment with protection. This, she argued, requires embedding privacy, trust, and ethical standards into all digital governance frameworks.

Technology by Design: Building Trust and Transparency

From the industry perspective, Ms. Sheng-Ann Yu outlined the technological underpinnings of trustworthy AI. She described how emerging innovations such as 5G, cloud computing, and AI must be viewed as interdependent pillars of digitalisation. To maintain integrity and transparency, cybersecurity must be "secure by design" integrated from the earliest stages of product development through to deployment and operations.

She further advocated for the principle of "explainable AI," which allows users to understand and verify how AI systems make decisions. Transparency, she noted, is a prerequisite for public trust and accountability, particularly when AI applications handle sensitive data or critical infrastructure.

Empowering Future Talent

A recurring theme throughout the session was the need for future-ready talent. Panellists collectively agreed that cybersecurity and AI governance are not purely technical concerns, but also ethical, legal, and societal ones. The future workforce must be equipped with multidisciplinary skills that combine technology, ethics, and regulatory awareness.

Mr. Godse pointed out that governments and organisations must invest in education programmes that bridge technical expertise with understanding of data sovereignty, privacy rights, and policy frameworks. The forum emphasised that human capital is the cornerstone of national cybersecurity readiness.

Dialogue with the Audience

During the question-and-answer session, participants raised thought-provoking questions on AI in education, data ownership, and the balance between privacy and threat detection. Dr. Kartina responded by highlighting the importance of responsible data collection practices that organisations must collect only what is necessary and ensure that the data they hold is properly safeguarded. She reiterated that effective AI governance begins with ethical data management.

Panellists also discussed the growing need for "private AI" infrastructure, where nations develop AI systems within localised environments to maintain data sovereignty and mitigate cross-border risks.

Towards a Secure and Human-Centred Digital Future

In conclusion, the forum underscored that artificial intelligence presents a paradox: it is both a catalyst for innovation and a source of new cybersecurity risks. As ASEAN economies digitalise, collective governance, transparency, and ethical design will be vital to safeguarding trust.

Key Session Takeaways:

- AI is both a protector and a threat multiplier — it can enhance cybersecurity but also magnify vulnerabilities.
- Regional cooperation is essential, as cyber risks transcend borders and require harmonised governance.
- Human-centric and secure-by-design principles must guide all AI development.
- Education and multi-stakeholder partnerships are the foundation for a sustainable, secure, and ethical digital future.

Forum 4

Membina Dasar Inklusif dan Tadbir Urus Berdaya Tahan bagi Kecerdasan Buatan (AI)

Dewan Plenari, PICC



Dengan membawa tema "Membina Dasar Inklusif dan Tadbir Urus Berdaya Tahan bagi Kecerdasan Buatan (AI)", Forum 4 *Festival of Ideas* (FOI) 2025 tampil sebagai wadah wacana intelektual berprestij yang menghimpunkan pakar-pakar daripada kalangan akademia, industri, serta organisasi serantau untuk membincangkan isu-isu berkaitan pembangunan dasar dan tadbir urus AI yang inklusif, beretika, dan mampan. Forum ke-4 FOI 2025 telah diadakan pada 5 November 2025 di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya, dan merupakan sebahagian daripada siri Forum Menteri Pendidikan Tinggi. Forum ini dikendalikan oleh Encik Mohamed Harun Abd Jabbar sebagai Pemimpin Perbincangan. Panel terhormat terdiri daripada Encik Krishna Rajagopal, Ketua Pegawai Eksekutif AKATI Sekurity; Dr. Choltis Dhirathiti, Pengarah Pusat Serantau SEAMEO untuk Pembangunan dan Pendidikan Tinggi (SEAMEO RIHED); dan Dr. Gary CY Leong, Pengarah Kanan Penyelesaian Kecerdasan Analitik (AIS) di ViTrox Corporation Berhad. Forum ini bertujuan untuk meneroka persimpangan kecerdasan buatan (AI) dengan tadbir urus, pendidikan, dan industri, menekankan keperluan untuk dasar inklusif dan struktur tadbir urus yang berdaya tahan di seluruh ASEAN dan seterusnya.

Tiga Perspektif, Satu Matlamat

Ketiga-tiga panelis mengupas peranan AI daripada dimensi yang berbeza melalui tiga bahagian perbincangan utama. Bahagian pertama memfokuskan kepada tadbir urus AI, di mana Encik Mohamed Harun Abd Jabbar menyoroti kemunculan ChatGPT sejak November 2022 dan impak transformasinya terhadap ekonomi global, terutamanya di Amerika Syarikat. Encik Krishna Rajagopal menekankan peranan universiti dalam pembangunan dan dasar AI, mencatatkan penubuhan Pejabat AI Nasional Malaysia dan keperluan yang semakin meningkat untuk siswazah yang dilengkapi dengan kemahiran AI. Beliau melaporkan bahawa Malaysia kini mempunyai 3,000 bakat AI.

Dr. Choltis Dhirathiti membincangkan peralihan digital ASEAN dan dasar mengenai AI, menekankan keperluan untuk menyesuaikan dasar kepada kepelbagian keperluan 11 negara anggotanya. Beliau menyatakan bahawa ASEAN telah memfokuskan kepada banyak peralihan digital dan telah merumuskan dasar yang relevan untuk rantau ini selama 4-5 tahun yang lalu, dan kini perbincangan bergerak ke arah tadbir urus AI dan etika. Dr. Gary CY Leong berkongsi pandangan dari sektor pembuatan, menekankan peranan AI dalam meningkatkan kualiti produk, kelajuan, dan kecekapan kos.

Bahagian kedua perbincangan memberi fokus kepada aspek menangani AI dan pekerjaan, di mana cabaran keselamatan pekerjaan semasa dan adaptasi tenaga kerja dibincangkan. Encik Krishna Rajagopal menyoroti kepentingan kerjasama masyarakat dalam pembangunan AI, memetik contoh dari UK dan Singapura. Dr. Choltis Dhirathiti membincangkan cabaran dalam penyeragaman tadbir urus AI di seluruh ASEAN, dan merujuk kepada aspek etika, kebolehcapaian, dan kesahihan pengetahuan yang dijana AI.

Bahagian ketiga memfokuskan kepada aspek pelaksanaan dan pembangunan dasar. Encik Krishna Rajagopal mencadangkan universiti sebagai medan neutral untuk eksperimen dan pelaksanaan dasar AI. Dr. Gary CY Leong menekankan kepentingan perancangan strategik, melibatkan kedua-dua pensyarah dan pelajar, dan membangunkan *blueprint* tadbir urus AI yang komprehensif yang selaras dengan nilai teras ASEAN.

Kesepaduan Idea: AI Sebagai Teras Tadbir Urus Masa Hadapan

Secara kolektif, ketiga-tiga pemikir menekankan bahawa AI dan tadbir urusnya merupakan aset paling kritikal untuk pembangunan masa hadapan. Encik Krishna Rajagopal meletakkan AI sebagai pemboleh kepada pelbagai isu dalam masyarakat dan menekankan peranan universiti sebagai medan neutral berbanding kerajaan. Dr. Choltis Dhirathiti menyediakan perspektif serantau dengan menekankan bahawa universiti harus berfungsi sebagai medan neutral untuk mencipta dasar tadbir urus AI. Dr. Gary CY Leong pula memberi penekanan terhadap aplikasi AI yang pintar dan keperluan masyarakat untuk memfokuskan kepada minda digital yang akan meningkatkan dan menambah nilai kepada pembangunan. Kesepaduan pandangan ini menggariskan bahawa AI yang berakar umbi pada nilai etika dan dizahirkan melalui dasar inklusif dan tadbir urus berdaya tahan amat mustahak untuk memandu arah masa depan rantau ASEAN.

Forum ini berjaya menghimpunkan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk ahli akademik, pembuat dasar, profesional industri, dan organisasi pendidikan. Ia berfungsi sebagai platform untuk menyemarakkan diskusi intelektual, memperdalam pemahaman tentang peranan AI dalam mencorak tadbir urus masa hadapan, dan merintis kerjasama rentas sempadan dalam era transformasi digital. Kejayaan Forum 4 FOI 2025 ini jelas mencerminkan komitmen Malaysia untuk meletakkan negara di persada ASEAN sebagai peneraju dalam tadbir urus AI yang inklusif dan berdaya tahan. Inisiatif ini diharapkan dapat melahirkan masyarakat yang kaya dengan literasi AI, bertanggungjawab dalam penggunaan teknologi, dan berani memperjuangkan dasar transformatif demi masa depan negara dan rantau ASEAN.

Dapatan Utama Sesi:

- Forum 4 FOI 2025 berfungsi sebagai platform diskusi strategik untuk membentuk dasar AI yang inklusif dan tadbir urus yang berdaya tahan, yang dibina atas asas kerjasama akademia-industri-kerajaan dan pertukaran pengetahuan terbuka.
- Malaysia memimpin di rantau ASEAN dengan penubuhan Pejabat AI Nasional dan membangunkan 3,000 bakat AI, manakala ASEAN secara kolektif bergerak ke arah kerangka kerja digital bersama melalui peta jalan yang menekankan etika dan kebolehcapaian.
- Universiti diiktiraf sebagai "medan neutral" yang kritikal untuk membangunkan dan menguji dasar tadbir urus AI, menjambatani jurang antara keperluan kerajaan, industri, dan masyarakat dalam era AI.
- Terdapat keperluan mendesak untuk pembangunan minda digital dan literasi AI dalam kalangan rakyat ASEAN sebagai respons terhadap transformasi teknologi yang pesat dan cabaran penyeragaman dasar di seluruh rantau yang pelbagai.

Forum 4

Building Inclusive Policies and Resilient Governance of AI

Plenary Hall, PICC



Building Inclusive Policies and Resilient Governance of AI

Carrying the theme 'Building Inclusive Policies and Resilient Governance of AI', Forum 4 of the Festival of Ideas (FOI) 2025 emerged as a prestigious intellectual discourse that brought together experts from academia, industry, and regional organizations. The 4th Forum of FOI 2025 was held on November 5, 2025, at Dewan Plenari, Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya, and was part of the Higher Education Ministerial Forum series. The forum was moderated by Mr. Mohamed Harun Abd Jabbar as the Lead Discussant. Distinguished panelists included Mr. Krishna Rajagopal, Chief Executive Officer of AKATI Sekurity; Dr. Choltis Dhirathiti, Director of the Southeast Asian Ministers of Education Organization Regional Centre for Higher Education and Development (SEAMEO RIHED); and Dr. Gary CY Leong, Senior Director of Analytics Intelligence Solutions (AIS) at ViTrox Corporation Berhad. The forum aimed to explore the intersection of artificial intelligence (AI) with governance, education, and industry, emphasizing the need for inclusive policies and resilient governance structures across ASEAN and beyond.

Three Perspectives, One Goal

All three panelists explored the role of AI from different dimensions through three main discussion parts. The first part focused on AI Governance, where Mr. Mohamed Harun Abd Jabbar highlighted the rise of AI since ChatGPT's introduction in November 2022 and its transformative impact on global economies, particularly in the United States. Mr. Krishna Rajagopal emphasized the role of universities in AI development and policy, noting Malaysia's establishment of a National AI Office and the growing need for graduates equipped with AI skills. He reported that Malaysia currently has 3,000 AI talents. Dr. Choltis Dhirathiti discussed ASEAN's digital transition and policies on AI, stressing the need to tailor policies to the diverse needs of its 11 member nations. He stated that ASEAN has focused on many digital transitions and has formulated policies relevant to the region for the past 4-5 years, and now the discussion is moving toward AI governance and ethics. Dr. Gary CY Leong shared insights from the manufacturing sector, emphasizing AI's role in improving product quality, speed, and cost efficiency.

The second part addressed AI and Employment, where challenges of current job security and workforce adaptation were discussed. Mr. Krishna Rajagopal highlighted the importance of societal collaboration in AI development, citing examples from the UK and Singapore where solution-based approaches brought relevant stakeholders together to collaborate and solve industry problems.

Dr. Choltis Dhirathiti addressed challenges in standardizing AI governance across ASEAN, emphasizing ethics, accessibility, and authenticity of AI-generated knowledge. The third part focused on implementation and policy development. Mr. Krishna Rajagopal proposed universities as neutral grounds for AI policy experimentation and implementation compared to government institutions. Dr. Gary CY Leong stressed the importance of strategic planning from top management, involving both lecturers and students, and developing a comprehensive AI governance blueprint aligned with ASEAN's core values.

Convergence of Ideas: AI as the Core of Future Governance

Collectively, all three thinkers emphasized that AI and its governance are the most critical assets for future development. Mr. Krishna Rajagopal positioned AI as an enabler to many issues in society and emphasized the role of universities as neutral fields compared to government. Dr. Choltis Dhirathiti provided a regional perspective, emphasizing that universities should function as neutral grounds to create AI governance policies. Dr. Gary CY Leong, meanwhile, emphasized the wise application of AI and the need for society to focus on digital mindset that will increase and add value to development. This convergence of views outlines that AI, rooted in ethical values and manifested through inclusive policies and resilient governance, is essential for guiding the future direction of the ASEAN region. The forum successfully brought together various stakeholders, including academics, policymakers, industry professionals, and educational organizations. It served as a platform to invigorate intellectual discussion, deepen understanding of AI's role in shaping future governance, and pioneer cross-border collaborations in the era of digital transformation. The success of Forum 4 FOI 2025 clearly reflects Malaysia's commitment to positioning the country on the ASEAN stage as a leader in inclusive and resilient AI governance. This initiative is expected to cultivate a society that is rich in AI literacy, responsible in technology usage, and brave in championing transformative policies for the future of the nation and the ASEAN region.

Key Session Takeaways:

- Forum 4 FOI 2025 serves as a strategic discourse platform for shaping inclusive AI policies and resilient governance, built upon the foundations of academia-industry-government collaboration and open knowledge exchange.
- Malaysia leads in the ASEAN region with the establishment of a National AI Office and the development of 3,000 AI talents, while ASEAN collectively moves toward a shared digital framework through roadmaps emphasizing ethics and accessibility.
- Universities are recognized as critical "neutral grounds" for developing and testing AI governance policies, bridging gaps between government, industry, and societal needs in the AI era.
- There is an urgent need for digital mindset and AI literacy development among ASEAN citizens as a response to rapid technological transformation and the challenge of standardizing policies across the diverse region.


KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Festival
IDEA
Putrajaya


ASEAN
MALAYSIA 2025
KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN


MALAYSIA
MADANI
daya cipta


Visit
Malaysia 2026
Truly Asia

MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

Festival IDEA Putrajaya